

IDEOLOGI TERORISME DIKALANGAN PELAJAR UNIVERSITI: ISU DAN CABARAN

(*THE IDEOLOGY OF TERRORISM AMONG UNIVERSITY STUDENTS: ISSUES AND
CHALLENGES*)

Mohd Hefzan Azmi¹
Azmi Aziz²
Ishak Abd Rahman³

Abstract: *The Ideology of terrorism is now actively discussed in the mainstream and printed media. Targeting teenagers in an effort to recruit new members as this group is so vulnerable to the use of the internet and regularly access the social media. Use of social media without affecting the mind control against teens and now it terorisme ideology has influenced a handful of students in Institutions of higher learning. Reports of the arrest and prosecution of Police gave an early description of that ideological terorisme already spread among them. Therefore, this study aimed to examine the extent of the spread of ideological terorisme against undergraduate University. A total of 346 respondents participated in the survey in which distributes online via email. The data obtained were analysed using the SPSS program (statistical package for social sciences). The findings are presented in the form of frequency (f), percentage (%) and mean. Findings reveal only a small number of students only tending towards ideological terorisme. Therefore, drastic action and early preventive measures shall be taken so that symptoms can be cushioned from the grass roots level.*

Keywords: *Terrorism, Social media, students*

¹ Pelajar Pasca Siswazah Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.hefzan@yahoo.com

² Pensyarah, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. abaz@ukm.edu.my

³ Pensyarah, Pusat Pengajian Pengurusan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.haq@ukm.edu.my

Abstrak: *Ideologi terorisme kini giat diperkatakan sehingga setiap hari muncul di media arus perdana juga media cetak dan telah menasaskan golongan remaja dalam usaha merekrut ahli baru memandangkan golongan ini begitu terdedah dengan penggunaan internet dan kerap mengakses media sosial. Penggunaan media sosial tanpa kawalan mampu mempengaruhi minda remaja terhadap ideologi terorisme dan kini ianya telah mempengaruhi segelintir pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Laporan tangkapan dan pendakwaan dari PDRM telah memberi satu gambaran awal bahawa ideologi terorisme telah pun menular dikalangan mereka. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana penularan ideologi terorisme terhadap pelajar prasiswazah UKM. Seramai 346 responden telah terlibat dimana soal selidik telah di edar secara atas talian melalui emel. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS (statistical package for social sciences). Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk kekerapan (f), peratusan (%) dan min. Hasil kajian mendedahkan hanya sebilangan kecil pelajar sahaja yang cenderung ke arah ideologi terorisme. Oleh yang demikian tindakan yang drastik dan langkah-langkah pencegahan awal hendaklah diambil agar gejala ini dapat dibendung dari peringkat akar umbi*

Katakunci: Terrorisme, media social, pelajar

2018 JGBSE

Pengenalan

Terorisme adalah suatu isu yang begitu hebat diperkatakan dan menarik perhatian dunia masa kini, sehingga ianya di angkat sebagai isu antarabangsa yang mampu mempengaruhi corak perjalanan politik di seluruh dunia. Kini isu terorisme telah merentas sempadan tamadun manusia. Bermulanya era baru terorisme adalah rentetan dari peristiwa serangan terhadap World Trade Center pada 11 September 2001 yang telah diangkat sebagai isu keganasan antarabangsa dan telah menjadi perhatian dunia. Sejak meletusnya serangan tersebut, kuasa besar Barat telah melabelkan Islam sebagai dalang dan penganas dalam insiden tersebut. Kesan dari peristiwa itu juga umat Islam terus diberi tanggapan dengan pelbagai tohmahan dan tuduhan yang mencemarkan imej kesucian agama Islam itu sendiri. Selepas isu serangan tersebut, siri-siri keganasan yang lain juga turut dikaitkan dengan Islam, semua elemen-elemen berkaitan dengan Islam akan dipandang negatif terutamanya oleh negara-negara Barat. Penularan ideologi terorisme terus merebak dan mempengaruhi golongan pelajar di IPT dengan menggunakan media sosial seperti facebook, skype, twitter, youtube, telegram dan blog sebagai medium utama dalam menghasut dan menerap nilai-nilai fahaman yang salah dari sudut jihad. Risikan pihak polis di laman sosial membuktikan kebanyakan pengikut yang mudah terpengaruh dengan propaganda Daesh ialah dalam kalangan belia bermasalah dari segi keluarga, sosial dan peribadi pelajar itu sendiri. Perkara ini dapat dilihat melalui status akaun Facebook mereka yang membuat perkongsian dan menekan butang *Like* atau *Share* terhadap maklumat berkaitan kumpulan militan berkenaan (Utusan Malaysia 21 Ogos 2016). Penularan gejala ini membimbangkan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sehinggalah KPT mengeluarkan kenyataan media “ Larangan Penglibatan Pelajar IPT Dalam Kegiatan Daesh”. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan kecenderungan pelajar-pelajar terhadap ideologi terrorism.

Tinjauan Literatur

Istilah terorisme adalah sesuatu yang terlalu subjektif untuk diperkatakan, tiada satu istilah yang khusus untuk dihurai dan diterima secara universal. Secara umumnya terorisme adalah merujuk kepada suatu perbuatan yang ganas dan mengakibatkan kerosakan dari pelbagai sudut kemanusiaan. Mark Juergensmeyer (2000) dalam kajiannya menyatakan, terorisme berasal dari bahasa Latin, 'terrere' iaitu 'terror' yang bererti menimbulkan rasa gementar dan rasa cemas. Jika diterjemah dari bahasa Inggeris 'to terrorize' perkataan ini bermaksud 'menakut-nakutkan'. 'Terrorist' bermaksud teroris atau pelaku keganasan. 'Terrorism' pula bermaksud menimbulkan ketakutan atau membuat rasa gentar. Dalam bahasa Arab, ia dipanggil 'irhabiyyah'. Secara umum, istilah terorisme diertikan sebagai satu bentuk serangan (fahaman/ideologi) yang dilancarkan oleh kelompok tertentu dengan maksud untuk membangkitkan perasaan takut di kalangan masyarakat. Ender dan Sandler (2012) mendefinisikan *Terrorism is the premeditated use or threat to use violence by individuals or subnational groups to obtain a political or social objective through the intimidation of a large audience beyond that of the immediate victims.*

Terorisme adalah merupakan satu kaedah yang mempunyai tujuan untuk membuat orang lain merasa ketakutan, sehingga dapat menarik perhatian masyarakat yang lebih luas. Menurut Lisa Blaker (2015) peranan media sosial telah terbukti menjadi peranan utama bagi organisasi pengganas dan ini bagi mereka satu pendekatan yang amat sesuai untuk mempengaruhi mangsa dan sasaran terhadap bakal pengganas. Data dari Penyelidikan Pew Lembaran Fakta Rangkaian Sosial, hasil menunjukkan 89% daripada golongan dewasa yang berumur antara 18-29 tahun kerap dalam penggunaan media sosial. Stern & Berger (2015), beranggapan bahawa media social mampu membendung penglibatan orang ramai untuk menyertai kegiatan militan dan keganasan namun media social juga memberi peluang kepada golongan penganas untuk merekrut anggota baru. Penggunaan *platforms* seperti Facebook, Twitter dan juga YouTube, membolehkan organisasi keganasan berpropaganda untuk mencapai agendanya ke seluruh dunia. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Sauffiyah Abu Hasaan (2016) mendapati bahawa Daesh merupakan ancaman baru kepada dunia hari ini. Selain senjata api, Daesh memiliki kebolehan menggunakan media sosial sebagai senjata. Video merupakan instrumen perangsaraf dan propaganda Daesh paling ampuh. Pada awalnya video dan media sosial digunakan untuk menimbulkan rasa takut pada kerajaan dan rasa terpesona pada para simpati. Nasharudin Mat Isa (2016) mendapati bahawa keinginan untuk turut menyertai konflik peperangan itu kelihatan amat menarik minat masyarakat dan lebih malang lagi, telah menyaksikan idea keganasan dan penyertaan ke dalam Daesh diromanticised menerusi penerbitan media mereka serta diberikan pemahaman serta gambaran yang salah akan erti sebenar jihad. Kamaruzzaman Bustaman Ahmad (2017) mendapati bahawa kajian tentang terorisme amat berkait dengan aktiviti terorisme global serta wujud hegemoni atau pemaksaan penerimaan konsep yang digagaskan oleh sesuatu ideologi yang menyimpang dari kehendak mana-mana agama.

Metodologi

Kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) yang terdiri daripada 3633 populasi pelajar bagi sesi 2016/2017. Reka bentuk kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder.

Data primer adalah data yang diperolehi daripada kaedah edaran borang soal selidik secara atas talian melalui emel para pelajar. Manakala data sekunder pula adalah dari sumber seperti menganalisis bahan bacaan berkenaan terorisme, artikel ilmiah, akhbar dan laman sesawang. Pengkaji telah memilih kesemua populasi pelajar prasiswazah di FPI dan FSSK dengan sasaran responden seramai 400 orang, target pelajar yang lebih adalah kerana mungkin ada responden yang tidak mampu memberikan respon yang lengkap dalam soal selidik yang dijalankan.

Jadual 1 : Bilangan Pelajar Prasiswazah FPI dan FSSK

| Jantina/Fakulti | Fakulti Pengajian Islam | Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan |
|--------------------|-------------------------|--------------------------------------|
| Lelaki | 346 | 578 |
| Perempuan | 782 | 1,927 |
| Jumlah | 1,128 | 2,505 |
| Jumlah Keseluruhan | 3,633 | |

Sumber: Pusat Akademik UKM 2017

Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik dan mempunyai tiga bahagian. Bahagian A soalan berkaitan demografi responden, bahagian B soalan berbentuk aneka pilihan yang mempunyai sehingga tiga pilihan jawapan yang berkait dengan tahap kefahaman pelajar terhadap isu terorisme dan bahagian C menggunakan skala likert yang mempunyai 5 pilihan jawapan yang berkait dengan kecenderungan pelajar terhadap ideologi terorisme. Secara keseluruhannya data yang telah dikumpul melalui borang soal selidik atas talian telah di analisis menggunakan program perisian *SPSS Statistics Package for the Social Science*. Analisis data ini dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif lebih tertumpu kepada teknik statistik untuk tujuan memperihalkan data primer atau dikenali juga sebagai data mentah dalam bentuk nombor atau angka yang lebih bermakna bagi memudahkan pemahaman melalui penyusunan yang lebih baik. Berdasarkan statistik deskriptif, data yang diperolehi dan dikumpul dari sampel dianalisis dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Teknik ini memudahkan pengkaji mempersembahkan hasil yang telah diperolehi dalam bentuk yang lebih mudah untuk difahami dan dibincangkan.

Penggunaan dan pengiraan min bagi item-item merupakan penilaian setiap pembolehubah yang sangat penting dalam kajian ini. Min adalah purata dengan mencampurkan semua skor dibahagi dengan jumlah responden atau item. Nilai ini menerangkan kecenderungan setiap pembolehubah secara purata. Menurut Muhammad Najib (1999), analisis skor min boleh digunakan untuk menentukan setiap tahap kecenderungan respon dalam penilaian setiap persoalan kajian. Jadual 2 menunjukkan penggunaan min untuk menilai tahap kefahaman dan kecenderungan.

Jadual 2: Julat Skor Min

| Min | Pemeringkatan |
|-------------|-----------------|
| 1. – 2.33 | Tahap Rendah |
| 2.34 – 3.66 | Tahap Sederhana |
| 3.67 – 5.00 | Tahap Tinggi |

Sumber : Diubah suai daripada Mohamad Tahir Mustapha (1997)

Dapatan Kajian dan Analisis Data

Bahagian ini membincangkan profil responden yang seramai 346 orang terdiri dari pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Dari segi agihan gender, responden wanita melebihi responden lelaki iaitu seramai 252 orang (72.8%) responden wanita manakala responden lelaki seramai 94 orang (27.2%). Keseluruhan responden ini mewakili sebanyak 51% dari Fakulti Pengajian Islam dan sebanyak 49% responden dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Jadual 3: Analisis Deskriptif Tahap Kefahaman, Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min

| Pernyataan | Ya <i>f</i> (%) | Tidak <i>f</i> (%) | Tidak pasti <i>f</i> (%) | Min |
|--|--------------------|-----------------------|--------------------------------|-------------|
| Mati dalam Daseh/ISIS adalah syahid | 23 (7%) | 224 (65%) | 99 (29%) | 2.2 |
| Kumpulan militan Daesh (ISIS) berasal dari gerakan jihad fisabilillah. | 48 (14%) | 181 (52%) | 117 (34%) | 2.19 |
| Perjuangan militan Islamic State sebagai jihad | 23 (7%) | 244 (71%) | 79 (23%) | 2.16 |
| Saya sering mengikuti berita tentang terorisme | 145 (40.7%) | 201 (59.3%) | - | 1.58 |
| Min Keseluruhan | | | | 1.63 |

n=346, *Skor min 1.00-2.33 (Rendah); 2.34-3.66 (Sederhana); 3.67-5.00 (Tinggi)

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif taburan kekerapan, peratus dan min bagi menunjukkan tahap kefahaman pelajar berkenaan isu terorisme. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar secara umumnya berada ditahap yang rendah berdasarkan purata keseluruhan nilai min iaitu 1.63. Pernyataan ‘Mati dalam Daseh/ISIS adalah syahid’ menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 65% mengakui bahawa mati dalam perjuangan bersama Daesh adalah bukan mati syahid iaitu bersamaan 224 orang dari 346 pelajar, namun begitu ada juga pelajar yang menyatakan tidak pasti iaitu sebanyak 29% manakala hanya 7% menyatakan perjuangan bersama Daesh adalah jalan menuju syahid. Ini jelas menunjukkan tahap kefahaman pelajar agak rendah dalam pernyataan ini. Mereka masih tidak memahami apakah agenda disebalik perjuangan Daesh dalam membentuk Negara Islam berkhilafah. Jika

para pelajar faham apakah tujuan sebenar organisasi Daesh/Islamic State, maka pelajar tidak akan memilih untuk tidak pasti.

Seterusnya pernyataan ‘Kumpulan militan Daesh (ISIS) berasal dari gerakan jihad fisabilillah’ mendapati sebanyak 14.1% pelajar yang menyatakan militan Daesh adalah dari gerakan jihad fisabilillah. Sebanyak 34% pelajar tidak pasti, ini menunjukkan para pelajar tidak tahu perkembangan dan tidak faham apakah perjuangan militan tersebut dipihak yang benar atau tidak. Manakala 52% pelajar yang tidak setuju bahawa militan Daesh (ISIS) bukan dari gerakan jihad yang sebenar. Berkenaan isu jihad dan syahid dalam perjuangan militan ini, masih ada para pelajar yang tidak tahu dan tidak faham asas gerakan militan Daesh ini. Salah faham konsep syahid dan jihad adalah suatu yang berbahaya, kerana kebanyakan mereka yang menyertai militan pengganas ini adalah kerana inginkan syahid, bagi mereka syahid menjamin ke syurga, tapi malangnya ianya hanyalah perjuangan yang sia-sia. Ideologi kumpulan militan hanya menghasut untuk melakukan pembunuhan yang ekstrem dan ianya adalah haram serta bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Bagi pernyataan ‘Perjuangan militan Islamic State sebagai jihad’ mempunyai seramai 20 orang (6.7%) menyatakan ya, manakala seramai 213 orang (71%) menyatakan tidak dan seramai 67 orang (22.3%) menyatakan tidak pasti. Jihad adalah suatu yang dituntut dalam Islam seandainya kena pada tempatnya, mengikut pandangan Islam ianya adalah merupakan pilihan yang terakhir dalam menyelesaikan masalah atau konflik dan tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu. Salah satu sebab kenapa Daesh/Islamic State bukan dikatakan sebagai perjuangan jihad dan bukan mati syahid adalah kerana mereka menganjurkan serta menggalakkan pengikutnya untuk mencapai mati syahid dengan cara pengeboman berani mati yakni bunuh diri demi untuk membunuh sekumpulan golongan tertentu yang disasarkan termasuk mereka yang tidak berdosa. Rendahnya pemahaman pelajar terhadap ideologi terorisme ini kerana ramai dikalangan pelajar tidak mengikuti isu semasa atau berita berkenaan militan berpaksikan terorisme ini, ia disokong oleh pernyataan bahawa ‘Saya sering mengikuti berita tentang terorisme’ yang mana sebanyak 59.3% pelajar tidak mengikuti berita berkenaan keganasan yang telah dilakukan oleh militan Daesh / Islamic State. Dengan peratusan ini, tidak hairanlah kenapa segelintir pelajar tidak memahami apakah agenda disebalik perjuangan militan Daesh / Islamic State.

Jadual 4: Analisis Deskriptif Kecenderungan, Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min

| Pernyataan | STS f(%) | TS f(%) | TP f(%) | S f(%) | SS f(%) | Min |
|--|---------------------|--------------------|--------------------|-------------------|--------------------|------------|
| Wajar berlakunya serangan 11/9/2001 di World Trade Center. | 89 (26%) | 40 (12%) | 111 (32%) | 50 (15%) | 56 (16%) | 2.84 |
| Saya kagum melihat kaum wanita Malaysia sama-sama berjuang ke Syria dan Iraq | 77 (22.3%) | 76 (22%) | 87 (25.1%) | 59 (17%) | 47 (14%) | 2.77 |
| Perlu menderma terhadap perjuangan Daesh/ IS. | 195 (56%) | 67 (19%) | 63 (18%) | 11 (3.2%) | 10 (2.9%) | 1.77 |

| | | | | | | |
|--|----------------|---------------|---------------|--------------|-------------|-------------|
| Saya <i>share</i> dan <i>like</i> di Facebook sebagai tanda setuju dengan ideologi Daesh. | 201 (58%) | 68 (20%) | 59 (17%) | 10 (2.9%) | 8 (2.3%) | 1.72 |
| Saya berminat ke Syria dan Iraq bagi mengikuti siri latihan bersama Daesh jika mendapat tajaan | 215 (62.1%) | 65 (17.6%) | 61 (14.7%) | 10 (2.9%) | 9 (2.6%) | 1.66 |
| Min Keseluruhan | | | | | | 1.97 |

n=346, *Skor min 1.00-2.33 (Rendah); 2.34-3.66 (Sederhana); 3.67-5.00 (Tinggi)
 *STS=Sangat Tidak Setuju TS=Tidak Setuju TP=Tidak Pasti S=Setuju SS=Sangat Setuju

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif tahap kecenderungan, taburan kekerapan, peratus dan min bagi menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap isu terorisme. Dapatan kajian menunjukkan analisis deskriptif taburan min dalam menganalisis kecenderungan pelajar-pelajar sama ada menolak atau menerima ideologi terorisme. Melihat kepada nilai min keseluruhan 1.97, penerimaan pelajar-pelajar prasiswazah di FPI dan FSSK terhadap ideologi terorisme berada ditahap rendah.

Pernyataan ‘Wajar berlakunya serangan 11 September 2001 di World Trade Center’ mendapati majoriti pelajar cenderung kepada penolakan, namun begitu ada juga segelintir pelajar yang menunjukkan respon ke arah menerima ideologi terorisme, iaitu sebanyak 15% setuju dan 16% sangat setuju dengan serangan udara di *World Trade Center*, New York yang telah mengorbankan ribuan nyawa yang tidak bersalah. Peratusan tersebut menunjukkan ada dikalangan pelajar yang menerima unsur keganasan yang dilakukan dalam peristiwa 11/9. Menurut Qhardhawi (2004), siapapun pelaku serangan tersebut, muslim atau bukan muslim, Arab atau bukan Arab, agama apa pun dia, apa pun rasnya, dari manapun asal negaranya, maka pelakunya telah berbuat dosa kerana melakukan serangan keji yang tidak pernah dibenarkan dalam Islam dan agama apa pun di dunia.

Dapatan kajian ‘Saya kagum melihat kaum wanita Malaysia sama-sama berjuang ke Syria dan Iraq’ menunjukkan ada pelajar yang setuju iaitu sebanyak 17% dan sangat setuju sebanyak 14% dengan situasi tersebut atau boleh dikatakan 121 orang dari 346 pelajar yang menyokong. Pernyataan tersebut jelas maksudnya, namun begitu masih ada segelintir pelajar memilih untuk bersetuju, sewajarnya pelajar tidak memilih langsung jawapan yang menunjukkan mereka setuju dengan aktiviti keganasan lebih-lebih lagi melibatkan kaum wanita sebagai pelakunya. Isyarat ini jelas menggambarkan masih ada pelajar belum mempunyai kesedaran sepenuhnya tentang bahayanya ideologi terorisme ini.

Seterusnya melihat pada pernyataan ‘Perlu menderma terhadap perjuangan Daesh / Islamic State’, majoriti pelajar memilih sangat tidak setuju iaitu sebanyak 56%, sebanyak 19% tidak setuju manakala hanya 3.2% yang setuju dan 2.9% pelajar yang sangat setuju. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan majoriti pelajar menolak untuk menderma terhadap militan terorisme, hanya sebilangan kecil sahaja yang menunjukkan respon setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menolak sikap yang menjurus kepada terorisme ini.

Pernyataan ‘Saya *share* dan *like* di Facebook sebagai tanda setuju dengan ideologi Daesh’ menunjukkan peratusan majoriti pelajar sangat tidak setuju iaitu sebanyak 58%, peringkat tidak setuju pula sebanyak 20%. Penggunaan media sosial dikalangan pelajar sememangnya tidak asing lagi, namun begitu hasil dapatan kajian ini mendapati pelajar cenderung ke arah tidak menyokong ideologi Daesh, hanya sebilangan kecil sahaja yang setuju iaitu sebanyak 2.9% dan sangat setuju 2.3%.

Berdasarkan pernyataan ‘Saya berminat ke Syria dan Iraq bagi mengikuti siri latihan bersama Daesh jika mendapat tajaan’ mendapati majoriti pelajar sangat tidak setuju untuk terlibat dengan aktiviti tersebut iaitu sebanyak 62.1% manakala sebanyak 17.6% yang bersetuju. Namun begitu masih ada pelajar yang berada di situasi yang tidak pasti iaitu sebanyak 17%. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan hanya kira-kira 2.9% sahaja pelajar yang setuju dan 2.3% pelajar sangat setuju dengan mengikuti siri latihan bersama militan Daesh jika berpeluang. Jika diteliti bilangan pelajar yang menyatakan setuju adalah jumlah bilangan yang kecil sahaja, hanya lebih kurang 19 orang dari 346 pelajar yang berniat untuk mengikuti siri latihan bersama Daesh jika mendapat tajaan. Walaupun bilangan ini kecil, namun begitu jika mereka berpeluang mengikuti siri latihan militan di Iraq dan Syria, ianya mampu memberi kesan kesengsaraan yang tinggi terhadap masyarakat seperti berlakunya serangan pengeboman berani mati, rompakan senjata dan pembunuhan.

Rumusan

Hasil kajian ini mendapati bahawa para pelajar mempunyai tahap kefahaman yang rendah iaitu berdasarkan nilai min keseluruhan iaitu 1.63. Berdasarkan maklum balas yang telah dijawab oleh responden menunjukkan peratusan yang tidak memberangsangkan terhadap persoalan berbentuk kefahaman. Ini dapat membantu pengkaji memperoleh gambaran awal tentang tahap kefahaman pelajar iaitu pelajar-pelajar tidak begitu memahami modus operandi kumpulan militan, justeru itu jika tahap kefahaman responden rendah maka kesedaran para pelajar juga berada di tahap yang kurang memuaskan. Secara keseluruhannya majoriti pelajar cenderung untuk menolak ideologi terorisme ini berdasarkan peratusan yang kebanyakkan memilih untuk tidak menyokong tindakan berunsurkan terorisme.

Rujukan

- Abdul Rahman Rukaini. 2004. *Antara Penganas & Mujahidin Tulen*. Semenyih: Synergymate Sdn. Bhd
- Ahmad Saufiyah Abu Bakar DAESH: Kebangkitan dan Pengaruh Media Sosial Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 32 (2) 2016: 381-404
- Akhrun Musa. 2016. *Militan IS: Terrorisme Atas Nama Islam*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Enders, Walter, Sandler, Todd (2012) *The Political Economy of Terrorism*. Cambridge: Cambridge University Press. [Google Scholar](#)
- Idris Zakaria .2003. "Islam dan Amalan Tolentrasi di Nusantara", dalam *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), 150-164.
- Kamaruzzaman Bustaman Ahmad 2017. 10 Tahun Perang Melawan Terorisme di Asia Tenggara <http://www.academia.edu>.
- Lisa Blaker.2015. "The Islamic State's Use of Online Social Media," *Military Cyber Affairs: Vol.1: Iss. 1 , Article 4.* <https://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2016/06/CO16163.pdf>. (3 April 2017)
- Mark Juergensmeyer. 2000. "Understanding the New Terrorism," *Current History*, Vol. 99, No. 636, pp. 158-163. See also, Mark Juergensmeyer, *Terror in the Mind of God*.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai : UTM
- Mohd Hizam Hanafiah dan Zamihan Mat Zin. 2016. *Siri Kajian Ilmiah: Bahaya ISIS (Daesh)*. Bangi. AlHimna Enterprise.
- Nasharudin Mat Isa 2016 Bahaya ancaman militan Daesh terhadap negara.Berita Harian Online <https://www.bharian.com.my/node/159633>
- Shahrom TM Sulaiman. 2002. *Terorisme Global dan Penganas Agama. Cabaran Hidup Beragama pada Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Stern, J, & Berger, J.M. 2015. *Isis: the state of terror*. New York: Harper Collins.